

12 MAR 2000

Tun Sharifah-Ziarah

PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN ZIARAH JENAZAH TUN SHARIFAH RODZIAH

PULAU PINANG, 12 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali petang ini menziarahi jenazah Almarhum Tun Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakbah di kediamannya, di sini.

Mereka diiringi Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Chui Kah Peng dan disambut oleh anak tiri Almarhum, Tunku Ahmad Nerang Putra.

Tun Sharifah Rodziah, balu perdana menteri pertama Malaysia dan "Bapa Kemerdekaan" Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, meninggal dunia pada pukul 8.30 pagi ini di Hospital Pulau Pinang pada usia 80 tahun, kerana menghidap radang paru-paru dan dimasukkan ke hospital Khamis lepas.

Dr Mahathir berkata Almarhum semasa hayatnya banyak memberikan sokongan kepada Tunku dalam perjuangannya dan perjuangan negara mencapai kemerdekaan.

Sebelum itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menziarahi jenazah Almarhum di kediaman No 16 Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini.

Abdullah, yang sebelum itu menghadiri satu majlis di Mentakab, Pahang, berkata rakyat Malaysia amat menyanjung dan mengenang jasa Almarhum yang selama ini menjadi pendorong di sebalik kejayaan Tunku.

Almarhum bukan sahaja seorang isteri, malahan ibu yang harus dicontohi oleh semua, kerana caranya membantu suami dan berusaha menjayakan perjuangan Tunku.

"Oleh sebab itu, peranan dan jasanya amat kita kenangi dan sanjung dan bagi mengenang jasa itu, beliau telah dianugerahkan gelaran Tun," katanya kepada pemberita.

Selain Perdana Menteri dan Abdullah, Raja Permaisuri Perak Tuanku Bainun, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Haji Yahaya serta beberapa anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri turut menziarahi jenazah Almarhum.

Bekas pembantu peribadi Tunku, Owen Chung, 67, yang telah berkhidmat dengan Tunku lebih 16 tahun, menyifatkan Almarhum sebagai seorang wanita yang tegas tetapi mudah diajak berbicara.

Beliau sering mengunjungi Almarhum semasa hayatnya dan membawanya untuk latihan fisioterapi di Hospital Pulau Pinang setelah mengalami lumpuh lebih 10 tahun lalu.

Almarhum suka bersiar-siar dengan menaiki kereta di sekitar Pulau Pinang dan Alor Setar, katanya.

Jenazah Tun Sharifah Rodziah di sembahyangkan di rumahnya sebelum dibawa ke Alor Setar untuk dikebumikan di Makam Diraja Jalan Langgar, Alor Setar selepas Asar.

-- BERNAMA

ZU NER RON